



**JUAL...**pemantauan harga turut dilakukan bagi memastikan peniaga dan pembeli saling tidak tertindas.

# MPPUPM pantau harga makanan

**M**AJLIS Perwakilan Pelajar Universiti Putra Malaysia (MPPUPM) giat memantau harga makanan yang dikatakan meningkat dengan ketara sehingga menimbulkan kegelisahan mahasiswa.

Yang Dipertuaanya, Mohamad Sabrie Mohamad Salleh, berkata pemantauan itu perlu bagi mengetahui masalah peniaga serta mencari penyelesaian mengurangkan bebanan mahasiswa.

Menurutnya, MPPUPM tidak mahu mendengar rungutan sebelah pihak dan mahu bersikap adil namun kepentingan warga kampus akan diberi keutamaan.

"Pemantauan giat dilaksanakan bagi memastikan setiap rungutan atau masalah ada asasnya.

"MPPUPM tidak menidakkann tindakan mahasiswa membuat aduan tapi kami mahu mendengar cerita kedua-dua pihak.

"Bagaimanapun, MPPUPM

tetap mendahuluikan keperluan mahasiswa. Kami harap mahasiswa bersabar dan beri MPPUPM masa bagi mengatasinya," katanya.

Selain itu MPPUPM akan mengambil tindakan tegas terhadap peniaga yang tidak menyediakan ruang makan sempurna atau bersih kepada peniaga.

"Ini penting bagi tujuan kesihatan. Ada aduan diterima mengatakan tempat makan kotor dan mengganggu keselesaan.

"Jika ada tempat makan kotor, kami akan mengambil tindakan tegas dengan melapor ke pengetahuan pengurusan universiti atau Kementerian Kesihatan," katanya.

Mohamad Sabrie juga berpuas hati apabila MPPUPM berjaya menyelesaikan isu ketepatan jadual bas pengangkutan dari kolej kediaman ke dewan kuliah selain isu kebijakan lain seperti pinjaman pengajian.



**PERIKSA...aspek kebersihan diberi penekanan utama.**